



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

## IKLAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT

Kami memerlukan individu yang dinamik, inovatif dan bercita-cita tinggi untuk bersama-sama menerokai teknologi baharu dalam usaha merealisasikan wawasan universiti sebagai *Entrepreneurial Research University* bertaraf antarabangsa. Selaras dengan hasrat ini staf yang sedang berkhidmat dan berkecualan adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan bagi jawatan berikut:-

- 
1. **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) – GRED N22**
  2. **PEMBANTU OPERASI – GRED N16**
  3. **PEMBANTU OPERASI – GRED N14**

### PERKARA AM

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Selain daripada memenuhi syarat sepertimana ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. Calon mestilah bersih dan bebas dari sebarang **tindakan tatatertib dan siasatan SPRM** dan **telah lulus pengisytiharan harta dalam tempoh lima (5) tahun terkini perkhidmatan**. Bagi permohonan yang tidak mendapat **kelulusan pengisytiharan harta dalam tempoh lima (5) tahun terkini perkhidmatan pada tarikh tutup iklan**, permohonan berkaitan **tidak akan diproses**.
- (c) Permohonan yang **tidak menurut peraturan, tidak lengkap dan diterima selepas tarikh tutup** tidak akan dipertimbangkan.

### CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Jawatan Kenaikan Pangkat** dan **Borang Ringkasan Maklumat Calon** yang boleh dimuat turun secara *online* beserta skim perkhidmatan dan syarat kenaikan pangkat di laman web Bahagian Pendaftar UTM Kuala Lumpur melalui [link https://registrar.utm.my/kl/iklan-jawatan/iklan-kenaikan-pangkat/](https://registrar.utm.my/kl/iklan-jawatan/iklan-kenaikan-pangkat/)
- (b) Permohonan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing beserta salinan bukti berkenaan Inovasi/pembaharuan kerja, hadiah/ anugerah, keahlian profesional, kegiatan luar, khidmat masyarakat dan lain-lain jika berkaitan.
- (d) Permohonan hendaklah dikemukakan dalam bentuk **hard copy** dan **soft copy** Borang Ringkasan Maklumat calon **sebagaimana format yang telah ditetapkan** ke alamat emel [registrar.kl@utm.my](mailto:registrar.kl@utm.my).

- (a) Sekiranya ada sebarang pertanyaan, sila hubungi :  
Puan Rahmah binti Mukhlas : 03 - 2180 5128

**ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP**

Permohonan hendaklah sampai kepada :

**SEKSYEN SUMBER MANUSIA  
BAHAGIAN PENDAFTAR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
JALAN SULTAN YAHYA PETRA  
54100 KUALA LUMPUR**

**TARIKH IKLAN : 18 JANUARI 2024 (KHAMIS)  
TARIKH TUTUP : 31 JANUARI 2024 (RABU)**

**1. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) – GRED N22**

Skim Perkhidmatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
Klasifikasi : Pentadbiran dan Sokongan  
Jadual Gaji : Gred N22

<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
RM2,252.00	RM4,693.00	RM115.00

Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM115.00  
Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00  
Bantuan Sara Hidup : RM350.00

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED N22 :**

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Perkhidmatan.

## 2. PEMBANTU OPERASI – GRED N16

Skim Perkhidmatan : Pembantu Operasi  
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
Klasifikasi : Pentadbiran dan Sokongan  
Jadual Gaji : Gred N16

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,730.00	RM3,612.00	RM95.00

Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM95.00  
Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00  
Bantuan Sara Hidup : RM350.00

### KENAIKAN PANGKAT KE GRED N16 :

Pembantu Operasi Gred N14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Operasi Gred N16 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Perkhidmatan.

## 3. PEMBANTU OPERASI – GRED N14

Skim Perkhidmatan : Pembantu Operasi  
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
Klasifikasi : Pentadbiran dan Sokongan  
Jadual Gaji : Gred N14

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,640.00	RM3,397.00	RM90.00

Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM95.00  
Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00  
Bantuan Sara Hidup : RM350.00

### KENAIKAN PANGKAT KE GRED N14 :

Pembantu Operasi Gred N11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Operasi Gred N14 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Perkhidmatan.